



2 Januari 2013
2 January 2013
P.U. (A) 4

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN) (KELENGKAPAN KAWALAN KESELAMATAN DAN KELENGKAPAN PEMANTAUAN) 2013

INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE) (SECURITY CONTROL EQUIPMENT AND MONITORING EQUIPMENT) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN) (KELENGKAPAN KAWALAN KESELAMATAN DAN KELENGKAPAN PEMANTAUAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 10 dan 15 Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2015, kecuali kaedah 7.

(3) Kaedah 7 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2017.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, “kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan” ertinya kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pemakaian

3. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) seseorang individu yang bermastautin di Malaysia, berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan oleh individu itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada suatu sumber yang terdiri daripada suatu perniagaan berhubung dengan pemasangan apa-apa kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan, selain *Global Positioning System* (GPS) dalam butiran 10 Jadual bagi penjejakan

kenderaan, pada mana-mana bangunan berstruktur kekal yang digunakan bagi maksud perniagaan itu; atau

- (b) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang bermastautin di Malaysia, berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada suatu sumber yang terdiri daripada perniagaan berhubung dengan pemasangan—
 - (i) apa-apa kelengkapan kawalan keselamatan, selain *Global Positioning System* (GPS) dalam butiran 10 Jadual bagi penjejakan kenderaan, bagi suatu kilang syarikat itu dengan syarat bahawa syarikat itu adalah suatu syarikat yang diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 [*Akta 156*];
 - (ii) apa-apa sistem penjejakan kenderaan *Global Positioning System* (GPS) bagi suatu lori kontena syarikat itu yang mempunyai Lesen Pembawa A dan suatu lori kargo syarikat itu yang mempunyai Lesen Pembawa A atau C yang dikeluarkan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*] yang digunakan bagi maksud perniagaan syarikat itu; atau
 - (iii) apa-apa kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan, selain *Global Positioning System* (GPS) dalam butiran 10 Jadual bagi penjejakan kenderaan, di kawasan perumahan.

Peruntukan menyifatkan berhubung dengan perjanjian sewa beli

4. Jika seseorang individu atau sesuatu syarikat yang disebut dalam kaedah 3 melakukan perbelanjaan modal di bawah suatu perjanjian sewa beli bagi pemasangan apa-apa kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan bagi maksud perniagaan individu atau syarikat itu, individu atau syarikat itu hendaklah dikira sebagai tuan punya kelengkapan itu dan perbelanjaan modal yang dilakukan oleh

individu itu atau syarikat itu bagi kelengkapan itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah diambil kira sebagai bahagian modal daripada bayaran ansuran atau, jika terdapat lebih daripada satu bayaran itu, atas agregat bayaran itu yang dibuat oleh individu atau syarikat itu di bawah perjanjian sewa beli itu dalam tempoh itu.

Elaun permulaan

5. Individu atau syarikat yang disebut dalam kaedah 3 adalah layak untuk mendapat elaun permulaan yang diperuntukkan di bawah perenggan 10 Jadual 3 Akta yang hendaklah bersamaan dengan satu per lima daripada perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pemasangan kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan itu.

Elaun tahunan

6. Individu atau syarikat yang disebut dalam kaedah 3 adalah layak untuk mendapat elaun tahunan yang diperuntukkan di bawah perenggan 15 Jadual 3 Akta yang hendaklah bersamaan dengan empat per lima daripada perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pemasangan kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan itu.

Ketidakpakaian

7. (1) Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi seseorang individu atau suatu syarikat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika—

- (a) individu atau syarikat itu telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327];
- (b) individu atau syarikat itu telah diberikan elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A Akta;
- (c) individu atau syarikat telah diberikan apa-apa pengecualian di bawah seksyen 127 Akta; atau

(d) individu atau syarikat layak bagi elaun pada pecahan yang lebih tinggi di bawah Akta atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta.

(2) Jika individu atau syarikat yang disebut dalam kaedah 3 menjual, memindah hak, memindah milik, menyerahkan hak atau memberi hakmilik kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan dengan atau tanpa balasan pada bila-bila masa dalam masa dua tahun dari tarikh pembeliannya, elaun yang telah dibuat di bawah kaedah 5 dan 6 berkenaan dengan kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang individu atau syarikat itu menjual, memindah hak, memindah milik, menyerahkan hak atau memberi hakmilik kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan itu dengan atau tanpa balasan.

JADUAL

[Kaedah 2]

1. Sistem penggera antikecurian
2. Sistem pengesanan gerakan inframerah
3. Siren
4. Sistem kawalan laluan masuk
5. Televisyen litar tertutup
6. Sistem pengawasan video
7. Kamera keselamatan
8. Kamera penerima tanpa wayar
9. Kelengkapan rakaman tertunda dan kelengkapan video pengesanan gerakan
10. *Global Positioning System* (GPS) bagi penjejakan kenderaan
11. Cermin keselamatan
12. Butang panik